

JULY-SEPTEMBER 2019 EDITION

PERANGSANG

BULLETIN



Extraordinary General Meeting Mesyuarat Agung Luar Biasa

13



12

Memorandum of Agreement
Signing Ceremony
**Majlis Menandatangani
Memorandum Perjanjian**



19

Perangsang Selangor Korban
Programme and Presentation
of Business Tithe 2019
**Program Ibadah Korban
dan Majlis Serahan Zakat
Perangsang Selangor 2019**



20

Perangsang Selangor
Entrepreneurship
Development Programme with
MATRADE
**Program Pembangunan
Keusahawanan Perangsang
Selangor dan MATRADE**

Contents Kandungan



4
In House Training
Latihan Dalaman

6
Cycling Road Safety Awareness
Programme
*Program Kesedaran
Keselamatan Jalan Raya
Berbasikal*

8
Lunch And Learn - Health Talk:
Critical Illness, Heart Attack
and Stroke
*Lunch And Learn: Penyakit
Kritis, Serangan Jantung dan
Strok*

9
Bicara Ad-Din: Is My Marriage
Valid?
*Bicara Ad-Din: Sahkah Nikah
Ku?*

10
Hajj Pilgrim Solemnisation
Prayer
Doa Selamat Buat Jemaah Haji

12
Memorandum of Agreement
Signing Ceremony
*Majlis Menandatngani
Memorandum Perjanjian*

13
Extraordinary General Meeting
Mesyuarat Agung Luar Biasa

14
Perangsang Selangor Korban
Programme and Presentation of
Business Tithe 2019
*Program Ibadah Korban
dan Majlis Serahan Zakat
Perangsang Selangor 2019*

16
Selangor Corporate Colour Run
2019
*Selangor Corporate Colour Run
2019*

17
Post-Natal Service
Entrepreneurship Training
*Latihan Keusahawanan
Perkhidmatan Post-Natal*

18
Water Safety Campaign for
School Children
*Kempen Keselamatan Air Untuk
Pelajar Sekolah*

19
Perangsang Selangor CerDik
Programme 2019
*Program Perangsang Selangor
CerDik 2019*

20
Perangsang Selangor
Entrepreneurship Development
Programme with MATRDE
*Program Pembangunan
Keusahawanan Perangsang
Selangor dan MATRADE*

22
Town Hall Session
Sesi Town Hall

23
Perangsang Selangor-CBB
Environment Conservation
Initiative
*Inisiatif Pemeliharaan Alam
Sekitar Perangsang Selangor-
CBB*

24
Caregiver Graduation Ceremony
*Majlis Graduasi Latihan
Penjagaan*

26
Family Trip 2019
Family Trip 2019

28
Lunch And Learn: Quran and
Workplace
*Lunch And Learn: Quran dan
Tempat Kerja*

30
Solid Waste Recycle and
Separation Awareness
Programme with KDEBWM
*Program Kitar Semula dan
Kesedaran Pengasingan Sisa
Pepejal Anjuran Bersama
KDEBWM*

32
Perangsang Selangor Sports
and Recreation Club 37th
Annual General Meeting
*Mesyuarat Agung Tahunan
ke-37 Kelab Sukan dan Rekreasi
Perangsang Selangor*

Editor's Note Nota Pengarang

Welcome to our third quarter 2019 corporate bulletin. Thanks to those of you who contributed to it as these contributions are essential to the bulletin's success. Congratulations to team RESPECT for winning the Mini Olympic Games organised by Kelab Sukan dan Rekreasi Perangsang Selangor (KELAB). Hopefully, the camaraderie as well as teamwork will continue to flourish within the organisation and future competitions.

One of the more exciting announcements in this issue is the news on Perangsang Selangor's Extraordinary General Meeting where the proposed acquisition of 100% equity in Toyoplas Manufacturing (Malaysia) Sdn Bhd for RM311.25 million were met with shareholders' approval. In this edition, we have included two articles with regards to Perangsang Selangor's environmental conservation initiative; the first being a collaboration with Century Bond Bhd in organising the EcoFrenz tree planting initiative in Johor Bahru followed by KDEB Waste Management for the Solid Waste Collection and Recycle programme at Pulau Ketam.

Do take a look at other interesting news namely the signing ceremony with sports and entrepreneurship training providers, Korban programme, Family Trip'19 and KELAB's 37th Annual General Meeting. If you would like to contribute any feature articles or interesting stories please contact or email us at shareen@kps.com.my or shahrul@kps.com.my.

Thank you.

Selamat datang ke buletin korporat suku tahun 2019 kami. Terima kasih kepada anda yang menyumbangkan kerana sumbangan ini penting untuk kejayaan buletin. Tahniah kepada pasukan RESPECT untuk memenangi Sukan Olimpik Mini anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi Perangsang Selangor (KELAB). Mudah-mudahan, persahabatan serta kerja berpasukan akan terus berkembang dalam organisasi dan pertandingan masa depan.

Salah satu pengumuman yang lebih menarik dalam isu ini ialah berita mengenai Mesyuarat Agung Luar Biasa Perangsang Selangor di mana cadangan pengambilalihan 100% ekuiti dalam Toyoplas Manufacturing (Malaysia) Sdn Bhd sebanyak RM311.25 juta telah dipenuhi dengan kelulusan para pemegang saham. Dalam edisi ini, kami telah memasukkan dua artikel berkaitan dengan inisiatif pemuliharaan alam sekitar Perangsang Selangor; yang pertama adalah kerjasama dengan Century Bond Bhd dalam menganjurkan inisiatif penanaman pokok EcoFrenz di Johor Bahru diikuti oleh Pengurusan Sisa KDEB bagi program Pengumpulan dan Pengambilan Sisa Pepejal di Pulau Ketam.

Lihatlah berita menarik lain iaitu upacara menandatangani dengan penyedia latihan sukan dan keusahawanan, program Korban, Family Trip'19 dan Mesyuarat Agung Tahunan ke-37 KELAB. Jika anda ingin menyumbangkan apa-apa artikel atau cerita menarik, sila hubungi atau emel kami di shareen@kps.com.my atau shahrul@kps.com.my.

Terima Kasih.



In House Training Latihan Dalaman

5 July 2019: The Secretarial Department of Perangsang Selangor organised a corporate training for Board of Directors and Senior Management at Acasia 2 and 3 Plaza Perangsang. The talk on Corporate Liability Provision and Governance, Risk and Controls was presented by Lee Min On, a freelance facilitator.

5 Julai 2019: Jabatan Kesetiausahaan Perangsang Selangor telah menganjurkan latihan korporat untuk Ahli Lembaga Pengarah serta Pengurusan Kanan di Acasia 2 dan 3, Plaza Perangsang. Taklimat berkenaan Peruntukan Liabiliti Korporat, Urus Tadbir, Risiko dan Kawalan telah disampaikan oleh Lee Min On.





Cycling Road Safety Awareness Programme

Program Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Berbasikal

11 July 2019: A Cycling Road Safety Awareness Programme at SMK Pandaraya Jaya, Klang was organised by Perangsang Selangor. The event was part of Perangsang Selangor's Community Development initiative conducted by ST Budiman who is the appointed training provider.

The awareness programme was arranged to promote the significance of safety wellbeing among the community. It was meant to avert accidents and mishaps among cycling enthusiasts.



11 July 2019: Program Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Berbasikal di SMK Pandamaran Jaya, Klang telah dianjurkan oleh Perangsang Selangor. Acara tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif Pembangunan Masyarakat Perangsang Selangor dikendalikan oleh penyedia latihan yang telah dilantik iaitu ST Budiman.

Program kesedaran tersebut dianjurkan bertujuan untuk mempromosikan kesedaran mengenai keselamatan jalan raya dalam kalangan masyarakat. Ia bertujuan untuk mengelakkan kecederaan dan kemalangan dalam kalangan peminat sukan berbasikal.

Lunch And Learn - Health Talk: Critical Illness, Heart Attack and Stroke

Lunch And Learn: Penyakit Kritikal, Serangan Jantung dan Strok

17 July 2019: The Human Resource Development Division sorted out a Lunch and Learn session at Acasia 3, Level 17, Plaza Perangsang.

The discussion was moderated by Nidzam Yatimi and Nur Farahena Edora, Senior Physiotherapist from PhysioMobile Malaysia to 25 Perangsang Selangor staff.

He informed about the causes of coronary illness, signs and indications as well as health tips. Towards the end of the session, they highlighted the significance of early detection through health screening to reduce the risk of coronary disease among Malaysians.



17 July 2019: Jabatan Pembangunan Sumber Manusia telah menganjurkan sesi "Lunch and Learn" yang dihadiri oleh 30 kakitangan di Acasia 3, Tingkat 17, Plaza Perangsang.

Perbincangan mengenai bahaya penyakit serangan jantung telah disampaikan oleh Nidzam Yatimi dan Nur Farahena Edora, Fisioterapis Kanan dari PhysioMobile Malaysia kepada seramai 25 kakitangan Perangsang Selangor yang hadir.

Beliau telah memberi taklimat tentang penyebab penyakit jantung, tanda-tanda dan gejala serta tips gaya hidup sihat. Pada akhir sesi, beliau juga menekankan pentingnya pengesanan awal melalui pemeriksaan kesihatan untuk meminimumkan risiko serangan jantung dalam kalangan rakyat Malaysia.



Bicara Ad-Din: Is My Marriage Valid?

Bicara Ad-Din: Sahkah Nikah Ku?

19 JULY 2019: The Islamic Religious Unit of Perangsang Selangor organized forum titled Is My Marriage Valid? at the Plaza Perangsang Lobby. Around 100 representatives of Perangsang Selangor, Inland Revenue Board (IRB) and other Plaza Perangsang occupants attended the forum.

The discussion was moderated by JAIS' Family Law Department expert, Ustaz Hafizzudin Kadir, while Ustazah Nik Suhaila Nik Hussin and Ustaz Suhami Ahmad Wakid were welcomed as panel members.

Among the topics discussed were on marriage and family law. The panels emphasised on the pillars of marriage which can cause the marriage to become invalid. The programme ended with question and answer session with the audience.



19 JULY 2019: Jabatan Hal Ehwal Islam (IRD) Perangsang Selangor telah menganjurkan forum Bicara Ad-Din bertajuk Sahkah Nikah Ku? bertempat di Lobi Plaza Perangsang. Seramai 100 warga kerja Perangsang Selangor, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta penyewa Plaza Perangsang hadir di forum tersebut. Majlis telah dikendalikan oleh pakar undang-undang keluarga daripada JAIS Ustaz Hafizzudin Kadir selaku moderator manakala Ustazah Nik Suhaila Nik Hussin dan Ustaz Suhami Ahmad Wakid dijemput sebagai ahli panel.

Antara topik menarik yang telah dibincangkan adalah berkaitan hukum hakam berkaitan nikah dan undang-undang keluarga. Penceramah turut menyentuh persoalan berkaitan rukun nikah yang boleh menyebabkan pernikahan menjadi tidak sah. Program diakhiri dengan sesi soal-jawab bersama tetamu yang hadir.



Hajj Pilgrim Solemnisation Prayer

Doa Selamat Buat Jemaah Haji

19 JULY 2019: Islamic Religious Department (IRD) organised a solemnisation prayer for Azizah Abdul Karim of Legal Department who will be performing hajj (pilgrimage) this year. The ceremony began with an opening speech by Ustaz Khairunnajmi Abd Jalil, Head of IRD and Azizah Abd Karim followed by presentation of souvenir by Suzila Khairuddin, Deputy Chief Executive Officer (Operations).

19 Julai 2019: Jabatan Hal Ehwal Islam (IRD) telah menganjurkan majlis doa selamat untuk Azizah Abd Karim yang telah terpilih untuk mengerjakan ibadah haji pada tahun ini. Majlis telah bermula dengan ucapan aluan oleh Ustaz Khairunnajmi Abd Jalil, Ketua IRD dan Azizah Abd Karim diikuti dengan penyampaian cenderamata oleh Suzila Khairuddin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi).



Memorandum of Agreement Signing Ceremony

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian

22 JULY 2019: Perangsang Selangor signed a memorandum of agreement with three sports training providers namely J World Sports, Supersharkz Swim School and ST Budiman under the Selangor Sports Stimulus (SSS) - Sports for All programme involving sponsorship worth more than RM600,000. The main goal of the Sports for All is to foster sports culture among the community especially the less fortunate people in Selangor as well as to promote a healthy lifestyle. In addition, it is also aimed at instilling interest and providing opportunities for all to understand and learn more about sports. Since 2014, Sports For All Programme has attracted a total of 13,873 participants from various groups through 105 programmes that have been implemented throughout the state of Selangor including the Raja Muda of Selangor's Football Championship for under-12 students and the Dato' Mokhtar Dahari Cup Football Championship for under-18 students.

In addition, Perangsang Selangor also entered into agreement with three training providers to conduct technical skill programmes under the Entrepreneurship Development initiative namely Livestock (MJ Fatonah), Mobile Spa (Tisas Academy) and Elderly Care (Cality Care Malaysia) involving sponsorship worth RM360,000.



22 Julai 2019: Perangsang Selangor telah menandatangani memorandum perjanjian dengan tiga penyedia latihan sukan iaitu J World Sports, Supersharkz Swim School, dan ST Budiman di bawah program Rangsangan Sukan Selangor (RSS) – Sukan Untuk Semua melibatkan tajaan bernilai lebih RM600,000. Matlamat utama program antara lain adalah untuk memupuk budaya bersukan dalam kalangan masyarakat terutama golongan kurang kemampuan serta menggalakkan gaya hidup sihat. Selain itu, ia juga bertujuan menanamkan minat dan memberi peluang kepada setiap lapisan masyarakat di Selangor untuk memahami dan mempelajari ilmu sukan. Sejak 2014, Program Sukan Untuk Semua telah berjaya menarik sejumlah 13,873 penyertaan daripada pelbagai golongan menerusi 105 program yang telah dilaksanakan di seluruh negeri Selangor termasuk penganjuran Kejohanan Bola Sepak Piala DYTM Raja Muda Selangor untuk pelajar bawah 12 tahun dan Kejohanan Bola Sepak Piala Dato' Mokhtar Dahari bagi pelajar bawah 18 tahun.

Sementara itu, Perangsang Selangor juga telah memeterai perjanjian bersama tiga penyedia latihan untuk mengedalikan program kemahiran teknikal di bawah inisiatif Pembangunan Usahawan iaitu kursus Ternakan (MJ Fatonah), Spa Bergerak (Tisas Academy) dan Penjagaan Orang Tua (Cality Care Malaysia) yang melibatkan penajaan bernilai RM360,000.

Extraordinary General Meeting

Mesyuarat Agung Luar Biasa

24 JULY 2019: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad received its shareholders' approval at the Extraordinary General Meeting (EGM) which was held at Shah Alam 2, SACC Convention Centre, Shah Alam for the acquisition of 100% equity stake in Toyoplas Manufacturing (Malaysia) Sdn Bhd (Toyoplas) and its subsidiaries by the Company's subsidiary, Perangsang Dinamik Sdn Bhd, for RM311.25 million. The EGM was attended by 293 shareholders and proxies. Toyoplas is involved in plastic injection moulding with an end-to-end capability from mould fabrication, precision injection moulding and secondary processes to fully assembly of parts and products.



24 JULY 2019: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad telah menerima kelulusan para pemegang saham di Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) yang diadakan di Shah Alam 2, Pusat Konvensyen SACC, Shah Alam untuk perolehan 100% pegangan ekuiti dalam Toyoplas Manufacturing (Malaysia) Sdn Bhd dan anak-anak syarikatnya oleh anak syarikat, Perangsang Dinamik Sdn Bhd, dengan nilai RM311.25 juta. EGM tersebut telah dihadiri oleh 293 pemegang saham dan proksi. Toyoplas terlibat dalam pengacuan suntikan plastik dengan keupayaan yang lengkap dari fabrikasi acuan, 'precision injection moulding' dan proses sekunder serta pemasangan sepenuhnya bahagian-bahagian dan produk.





Perangsang Selangor Korban Programme and Presentation of Business Tithe 2019

Program Ibadah Korban dan Majlis Serahan Zakat Perangsang Selangor 2019

13 August 2019: Perangsang Selangor distributed meat packages to 300 individuals, including 90 'asnaf' (underprivileged) at Masjid Riadhussolihin Seksyen 17, Shah Alam. During the programme, Perangsang Selangor contributed five cows for the day's sacrificial rites at the mosque as part of its corporate social responsibility (CSR) programme to help the underprivileged.

The event was officiated by Perangsang Selangor Chairman, YM Raja Shahreen Raja Othman accompanied by Managing Director/Group Chief Executive Officer, Ahmad Fariz Hassan, Senior Management and Perangsang Selangor staff.



13 Ogos 2019: Perangsang Selangor telah mengagihkan 300 bungkus daging korban kepada orang ramai termasuk 90 asnaf di Masjid Riadhussolihin Seksyen 17, Shah Alam. Perangsang Selangor turut menyumbang sebanyak lima ekor lembu untuk upacara korban di masjid tersebut sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk membantu golongan kurang bernasib baik.

Majlis telah dirasmikan oleh Pengurus Perangsang Selangor, YM Raja Shahreen Raja Othman dan diiringi Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ahmad Fariz Hassan, Pengurusan Kanan dan 20 kakitangan Perangsang Selangor.



Selangor Corporate Colour Run 2019

Selangor Corporate Colour Run 2019

17 August 2019: 49 Staff and family members took part in the 5km Selangor Corporate Colour Run 2019 which was held at Shah Alam Stadium. It was jointly organised by Invest Selangor Berhad and Invest Selangor Recreational Club with the support of Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI). The sponsorship under four categories, namely Platinum (RM30,000), Gold (RM20,000) Silver (RM10,000) and Bronze (RM5,000) where Perangsang Selangor donated RM 5,000 for this event.

The main objective of the event is to promote healthy lifestyle among the people of Selangor and to foster closer ties between the state government, industry players as well as the community. Funds raised from the event were also contributed to the Kiwanis Down Syndrome Foundation (KDSF) as part of Invest Selangor's corporate social responsibility effort.

17 Ogos 2019: Seramai 49 kakitangan serta ahli keluarga telah mengambil bahagian dalam larian 5km Selangor Corporate Colour Run 2019 yang telah diadakan di Stadium Shah Alam. Acara tersebut merupakan anjuran bersama Invest Selangor Berhad dan Kelab Rekreasi Invest Selangor dengan sokongan Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI). Terdapat empat kategori penajaan, iaitu Platinum (RM30,000), Emas (RM20,000), Perak (RM10,000) dan Gangsa (RM5,000) dimana Perangsang Selangor turut menyumbang sebanyak RM 5,000.



Objektif utama acara tersebut adalah untuk mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Selangor dan memupuk hubungan rapat di antara Kerajaan Negeri, pemain industri serta komuniti. Sebahagian dana yang berjaya dikumpul telah disumbangkan kepada Yayasan Sindrom Down Kiwanis (KDSF) menerusi usaha tanggungjawab sosial korporat Invest Selangor.

Post-Natal Service Entrepreneurship Training

Latihan Keusahawanan Perkhidmatan Post-Natal

18 August 2019: Perangsang Selangor under its Entrepreneurship Development Programme organised a Post-Natal Service Entrepreneurship Training to 30 selected women and single mothers to help enhance their skills and generate income for their families.

The programme aimed to reduce unemployment rate especially among women and single mothers were divided into three sessions which covered five post-natal services modules conducted by TISAS Academy Sdn Bhd at Seksyen 7, Shah Alam.

18 August 2019: Perangsang Selangor di bawah Program Pembangunan Keusahawanan telah menganjurkan Latihan Keusahawanan Perkhidmatan Post-Natal kepada 30 wanita dan ibu tunggal terpilih untuk membantu meningkatkan kemahiran mereka untuk menjana pendapatan keluarga mereka.

Objektif program ini adalah untuk mengurangkan kadar pengangguran terutamanya kepada wanita dan ibu tunggal telah terbahagi kepada tiga sesi yang meliputi lima modul perkhidmatan Post-Natal dan telah diadakan di TISAS Academy Sdn Bhd di Seksyen 7, Shah Alam.



Water Safety Campaign for School Children

Kempen Keselamatan Air Untuk Pelajar Sekolah

22 August 2019: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad in collaboration with Supersharkz Swim School organised a Water Safety and Drowning Prevention Campaign involving 950 students at Sekolah Kebangsaan (SK) Tasik Puteri, Rawang.

The campaign is part of Perangsang Selangor's Sports For All programme aimed to promote awareness and to educate the students on water safety and measures to avoid drowning incidents. In addition, the teachers and students also learned basic emergency assistance technique such as the Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) where initial aid is critical in saving a victim from drowning. The campaign is part of Perangsang Selangor's corporate social responsibility initiative.



22 Ogos 2019: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dengan kerjasama Supersharkz Swim School telah menganjurkan Kempen Keselamatan Air yang melibatkan seramai 950 pelajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Tasik Puteri, Rawang.

Kempen tersebut merupakan sebahagian daripada program Sukan Untuk Semua Perangsang Selangor bertujuan untuk memupuk kesedaran tentang aspek keselamatan ketika berada di dalam air selain langkah-langkah untuk mengelakkan berlakunya kejadian lemas. Selain itu, pelajar dan guru juga dapat mempelajari teknik asas bantuan kecemasan seperti 'Cardiopulmonary Resuscitation' (CPR) di mana bantuan awal adalah penting untuk menyelamatkan mangsa daripada lemas. Kempen tersebut merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat Perangsang Selangor.

Perangsang Selangor CerDik Programme 2019

Program Perangsang Selangor CerDik 2019



27 August 2019: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad in collaboration with Inspira Com Sdn Bhd organised the second CerDik Programme 2019 under Education Development Initiative at SK (A) Bukit Cheding, Banting involving 60 Orang Asal pupils and 20 volunteers namely Perangsang Selangor staff and students from Faculty of Health Sciences, University Kebangsaan Malaysia.

The programme was focused on various tailor-made modules namely leadership,

communications, cross cultural, time management, inquiry based learning and creative thinking to name a few. The various modules are specially designed to address the on-going issues due to lack of motivation, absenteeism and ultimately to reduce social problems within the community.

The objective of the programme is to increase the confidence level among the Orang Asal students and reduce the dropout rate in secondary schools. With higher education, these children would be able to further enhance their social integration and economic wellbeing in the future.

27 Ogos 2019: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dengan kerjasama Inspira Com Sdn Bhd telah menganjurkan siri kedua Program CerDik 2019 di bawah Program Pembangunan Pendidikan bertempat di SK (A) Bukit Cheding melibatkan 60 pelajar sekolah dan 20 sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan dan penuntut daripada Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Program tertumpu kepada pelbagai modul yang dibuat khusus iaitu kepimpinan, komunikasi, kebudayaan pengurusan masa, pembelajaran berdasarkan pertanyaan dan pemikiran kreatif. Pelbagai modul direka khas untuk menangani isu-isu yang sedang berlaku kerana kurangnya motivasi, ketidakhadiran murid ke sekolah dan akhirnya untuk mengurangkan masalah sosial dalam masyarakat.

Objektif program tersebut adalah untuk meningkatkan tahap keyakinan dalam kalangan pelajar Orang Asal dan menurunkan kadar kecinciran di tahap sekolah menengah. Berbekalkan pendidikan yang lebih tinggi, kanak-kanak tersebut akan berupaya untuk meningkatkan tahap integrasi sosial serta mencapai kedudukan ekonomi yang lebih baik di masa hadapan.



Perangsang Selangor Entrepreneurship Development Programme with MATRADE

Program Pembangunan Keusahawanan Perangsang Selangor dan MATRADE

29 August 2019: Perangsang Selangor under its Entrepreneurship Development Programme initiative organised an awareness programme named Pursuing Export Markets in collaboration with Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) at Kayangan Ballroom, Plaza Perangsang.

The objective of the programme is to create awareness and promote self-development among local entrepreneurs in the areas of export industry. The course also acted as a platform for 23 participants to expand their networking and gather more knowledge on this industry from MATRADE officers. Apart from the training session, there was also a mini exhibition conducted by MATRADE where visitors were able to register as MARTRADE members via online registration and obtain further information on the export industry events calendar.

The event was officiated by Mohd Fauzi Mohd Ghazali, Associate Director of Investor Relations and Strategic Communication accompanied by Amran Yem, Senior Director of Transformation and Digital Trade Division from MATRADE.

29 Ogos 2019: Perangsang Selangor di bawah Program Pembangunan Keusahawanan telah menganjurkan Seminar Latihan Eksport dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) bertajuk Meniti Pasaran Eksport di Kayangan Ballroom, Plaza Perangsang.

Objektif program tersebut dianjurkan adalah bagi meningkatkan pengetahuan dan menggalakkan pembangunan perniagaan para usahawan tempatan dalam bidang industri eksport. Program tersebut juga merupakan pentas bagi 23 peserta untuk memperluaskan rangkaian perniagaan mereka dan mengumpulkan lebih banyak pengetahuan mengenai industri secara terus daripada pegawai MATRADE. Selain sesi latihan, terdapat juga pameran mini yang dikendalikan oleh MATRADE dimana para pengunjung


berpeluang mendaftar sebagai ahli MATRADE menerusi pendaftaran atas talian serta memperolehi maklumat mengenai kalendar industri eksport.

Program telah dirasmikan oleh Mohd Fauzi Mohd Ghazali, Pengarah Bersekutu, Perhubungan Pelabur dan Komunikasi Strategik dan diiringi oleh Amran Yem, Pengarah Kanan Bahagian Transformasi dan Perdagangan Digital daripada MATRADE.



Town Hall Session Sesi Town Hall

3 Sept 2019: The Human Resource Department organised the third Town Hall session at Acasia 2 and 3 attended by 35 Perangsang Selangor staff. The briefing on investment updates and financial status was presented by Ahmad Fariz Hassan, Managing Director/Group Chief Executive Officer followed by question and answer session with the staff. At the end of the session, he hoped everyone will have a clear overview of Perangsang Selangor's position and sought the support of all to strive in order to achieve the Company's business objectives.



3 Sept 2019: Jabatan Sumber Manusia menganjurkan sesi "Town-Hall" kali ketiga di Acasia 2 dan 3 yang dihadiri oleh 35 kakitangan Perangsang Selangor. Taklimat tentang pelaburan dan status kewangan telah dibentangkan oleh Ahmad Fariz Hassan, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan diikuti dengan sesi soal jawab dengan kakitangan. Pada akhir sesi, beliau berharap semua kakitangan mempunyai gambaran yang jelas tentang kedudukan Perangsang Selangor dan meminta sokongan berterusan untuk mencapai objektif perniagaan Syarikat.



Perangsang Selangor-CBB Environment Conservation Initiative Inisiatif Pemeliharaan Alam Sekitar Perangsang Selangor-CBB

15 Sept 2019: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) and Century Bond Bhd (CBB) stamped its commitment in conserving and preserving the environment by planting 100 trees through the Eco Frenz Programme at Taman Bunga Raya, Johor Bahru. The objective of the programme is aimed at raising the public's awareness on environmental conservation. Four species of trees, Ketapang, Semarak Api, Jancaranda and Bunga Raya were planted by 80 volunteers which consists of Perangsang Selangor and CBB staff, Johor Media Club, locals and students through an Eco-Race Challenge.

The programme was graced by the President of Majlis Perbandaran Johor Bahru, Yang Berhormat Dato' Amran Abdul Rahman, Dato Bandar Johor Bahru, Deputy Chief Executive Officer (Operations) of Perangsang Selangor, Suzila Khairuddin and General Manager Alfred Goh Leng Hock witnessed by some 100 guests.

15 Sept 2019: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) and Century Bond Bhd (CBB) membuktikan komitmen di dalam usaha pemeliharaan alam sekitar dengan menanam sebanyak 100 pokok menerusi Program Eco Frenz di Taman Bunga Raya, Johor Bahru. Program bertujuan meningkatkan tahap kesedaran orang awam berhubung kepentingan pemeliharaan alam sekitar. Sebanyak empat spesies pokok iaitu Ketapang, Semarak, Api, Jancaranda dan Bunga Raya telah ditanam oleh seramai 80 sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan Perangsang Selangor dan CBB, Kelab Media Johor, masyarakat tempatan dan pelajar menerusi aktiviti Eco-Race Challenge.

Program telah dirasmikan oleh Dato Bandar Johor Bahru, Dato' Amran Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Perangsang Selangor, Suzila Khairuddin, Pengurus Besar CBB, Alferd Goh Leng Hock sambil disaksikan kira-kira 100 tetamu.





Caregiver Graduation Ceremony Majlis Graduasi Latihan Penjagaan



19 Sept 2019: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) presented certificates to 33 graduates of Caregiver Course at Cality Care Headquarters, Mid Valley.

The Graduation Ceremony was graced by Sustainability Board Committee Member, Rita Benoy Bushon, witnessed by Board of Director, Leon Koay, Deputy Chief Executive Officer (Operations), Suzila Khairuddin, Chief Executive Officer of Cality Care Malaysia Sdn Bhd, James Kim, Business Development Manager, Health & ICT of Australian Trade and Investment Commission, Sandra Lim and, Columnist from News Straits Times, Junita Johari.

The training was conducted by Cality Care Malaysia involving 33 participants under Perangsang Selangor's Entrepreneurship Development Programme. Cality Care provides care giving skill training according to the Australian standards and principles which is among the best in the world.

19 Sept 2019: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) telah menyampaikan sijil kursus Penjagaan kepada kepada 33 graduan di Ibu Pejabat Cality Care di Mid Valley.

Majlis Graduasi telah disempurnakan oleh Ahli Jawatankuasa Lembaga Kelestarian Perangsang Selangor, Rita Benoy Bushon disaksikan oleh Ahli Lembaga Pengarah, Leon Koay, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), Suzila Khairuddin, Ketua Pegawai Eksekutif Cality Care Malaysia Sdn Bhd, James Kim, Pengurus Pembangunan Perniagaan, Kesihatan & ICT, Suruhanjaya Perdagangan dan Pelaburan Australia, Sandra Lim, dan Kolumnis News Straits Times, Juneita Johari.

Program latihan tersebut telah dikendalikan oleh Cality Care Malaysia melibatkan 33 peserta di bawah Program Pembangunan Usahawan Perangsang Selangor. Cality Care merupakan penyedia latihan di dalam bidang penjagaan yang menyamai standard di Australia, dan merupakan antara yang terbaik di dunia.

First Board Retreat 2019

'Retreat' Pertama Ahli Lembaga Pengarah 2019

24 -25 Sept 2019: Perangsang Selangor held its first Board Retreat for year 2019 at The Saujana Kuala Lumpur attended by Board Members, Senior Management, Heads of Department, Heads of Subsidiaries and staff. Perangsang Selangor Group's strategic initiatives and business plan for year 2020 were presented and deliberated during the retreat.

The retreat was chaired by YM Raja Shahreen Raja Othman, Chairman of Perangsang Selangor.



24 -25 September 2019 : Perangsang Selangor telah menganjurkan 'Retreat' Ahli Lembaga Pengarah buat kali pertama bagi tahun 2019 di The Saujana Kuala Lumpur yang dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan, Ketua Jabatan, Ketua Anak Syarikat dan kakitangan. Inisiatif strategik dan pelan perniagaan bagi tahun 2020 Kumpulan Perangsang Selangor telah dibentangkan dan dibincangkan secara mendalam ketika 'Retreat' tersebut.

Perbincangan telah dipengerusikan oleh YM Raja Shahreen Raja Othman, Pengurus Perangsang Selangor.



Family Trip 2019

Family Trip 2019

21 Sept 2019: The Perangsang Selangor Sports and Recreation Club (KELAB) organised a Family Trip 2019 at Lexis Hibiscus, Port Dickson. The programme managed to attract 250 participants namely staff and family members. Various fun filled activities were organised such as telematch for adults and kids followed by barbecue dinner with sports attire theme. The dinner was hosted by Nurul Athira, internship student of Human Resource Development Department.

The dinner started with karaoke performances by Perangsang Selangor staff followed by lucky draw. Norehan Salleh of Investor Relations and Strategic Communication Department won the grand prize of 2 days 1 night stay at Lexis Hibiscus Port Dickson, followed by Mazlan Ahmad Zayadah of Building Management Services Department, with Panasonic Air Purifier and Azharin Arshad of Information Technology unit who won a Philips Pressure Cooker.

The event continued with presentation of prizes to the winners of Mini Olympic tournament. As champions, team Respect received a cash prize worth of RM1,500 and trophy, at second place Pride received a cash prize of RM1,250, third, Extra Mile with cash prize of RM 1,000.00, while fourth, Discipline with RM 750 and fifth, Integrity with RM500 cash prize.

The event ended with a photo session with the winners, staff and family members.



21 Sept 2019: Kelab Sukan dan Rekreasi Perangsang Selangor telah menganjurkan "Famili Trip" 2019 bertempat di Lexis Hibiscus, Port Dickson. Program tersebut berjaya menarik 250 penyertaan yang terdiri daripada kakitangan dan ahli keluarga. Terdapat pelbagai aktiviti menarik yang telah berlangsung seperti sukaneka untuk golongan dewasa dan kanak-kanak diikuti majlis makan malam barbeku bertemakan pakaian sukan. Majlis makan malam telah dihoskan oleh Nurul Athira, palajar pelatih daripada Bahagian Pembangunan Sumber Manusia.

Majlis makan malam telah dimulakan dengan persembahan karaoke oleh kakitangan dan acara cabutan bertuah. Norehan Salleh daripada Jabatan Perhubungan Perlaburan dan Komunikasi Strategik telah memenangi hadiah utama iaitu pakej percutian 2 hari 1 malam di Lexis Hibiscus Port Dickson, diikuti Mazlan Ahmad Zayadah daripada Jabatan Pengelenggaraan Bangunan ditempat kedua yang memenangi Panasonic Air Purifier dan Azharin Arshad daripada Unit Teknologi Maklumat yang memenangi Philips Pressure Cooker.



Majlis diikuti dengan penyampaian hadiah kepada pemenang acara sukan Mini Olimpik 2019. Selaku johan kumpulan Respect memenangi hadiah wang tunai bernilai RM1,500 dan trofi, manakala pasukan Pride ditempat kedua menerima wang tunai RM1,250, Extra Mile tempat ketiga menerima wang tunai RM1,000, Disiplin di tempat keempat menerima wang tunai RM750 dan pasukan Integriti di tempat kelima menerima wang tunai berjumlah RM500.

Acara telah berakhir dengan sesi bergambar bersama semua pemenang kakitangan serta ahli keluarga.





Lunch and Learn: Quran and Workplace

Lunch and Learn: Quran dan Tempat Kerja

25 Sept 2019: The Islamic Religious Unit organised a Lunch and Learn session with the topic of Quran and Workplace at Acasia 3, Level 17, Plaza Perangsang. The talk was presented by Tuan Fazrul Ismail, CEO Master Trainer, Akademi Sinergi Ikhlas Sdn Bhd. He quoted the fifth verse of Al-Fatihah, Thee (alone) do we worship and of Thee (only) do we seek help.

This verse is a start for a servant to plea and asks his needs from Allah. The praise and attributes only to Allah, and the statement of Faith in His Pure Unity, consisting of a confession to the belief in the Day of Resurrection.

25 Sept 2019: Jabatan Hal Ehwal Agama telah menganjurkan sesi "Lunch and Learn" dengan topik Al-Quran dan Tempat Kerja diadakan di Acasia 3, Tingkat 17, Plaza Perangsang. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Tuan Fazrul Ismail Ketua Pegawai Eksekutif, Akademi Sinergi Ikhlas Sdn Bhd. Beliau telah menghuraikan maksud ayat kelima daripada surah Al-Fatihah iaitu Engkau yang kami sembah dan kepada Engkau kami memohon pertolongan.

Ayat ini adalah permulaan bagi seorang hamba untuk merayu dan meminta keperluannya hanya kepada Allah semata-mata. Ayat-ayat sebelumnya adalah pujian dan sifat-sifat Allah, yang terdiri dari pengakuan kepada kepercayaan pada Hari Kiamat.



Solid Waste Recycle and Separation Awareness Programme with KDEBWM

Program Kitar Semula dan Kesedaran Pengasingan Sisa Pepejal anjuran bersama KDEBWM



26 Sept, 2019: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad and Kumpulan Darul Ehsan Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) joined forces to organise a Solid Waste Recycle and Separation Awareness Programme at Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Ketam. 30 volunteers comprising employees from both agencies carried out the corporate social responsibility (CSR) initiative to raise awareness of environmental conservation efforts through the application of recycling and solid waste segregation.

At the event, Selangor Cultural and Tourism, Malay Civilisation and Heritage EXCO, Datuk Abdul Rashid Asari, handed over three sets of recycled bins to the representative of Pulau Ketam, Chua Chua Tie, at the Tan Sri Dato' Lim Kuang Sia Square witnessed by Perangsang Selangor represented by Associate Director, Investor Relations and Strategic Communication, Mohd Fauzi Mohd Ghazali presented a donation of RM1,500 to Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Ketam for the purchase of new PA system.

Datuk Abdul Ralid explained, "The purpose of the programme is to raise awareness on maintaining proper solid waste management among students and the society. The total amount of solid waste in Malaysia is increasing daily. Malaysia is facing a shortage of solid waste management centers where 3,500 tonnes of waste are produced daily. 3R's practice of reducing, reusing and recycling needs to be a new lifestyle as Pulau Ketam is a popular tourist destination every year."

The programme concluded with a collaborative effort activity where all volunteers worked hand-in-hand to collect solid waste at Pulau Ketam and visited the recycling centre.

26 Sept 2019: Kumpulan Perangsang Selangor Berhad and Kumpulan Darul Ehsan Waste Management Sdn Bhd bergabung tenaga menganjurkan program Kitar Semula dan Pengasingan Sisa Pepejal di Sekolah Menengah Pulau Ketam. Seramai 30 orang sukarelawan terdiri daripada warga kerja kedua-dua agensi menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi meningkatkan kesedaran terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar melalui penerapan kitar semula dan pengasingan sisa pepejal.

EXCO Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan Selangor, Datuk Abdul Rashid Asari telah menyerahkan tiga set tong sampah kitar semula sebagai simbolik program kepada wakil penduduk Pulau Ketam, Chua Chua Tie, di Dataran Tan Sri Dato' Lim Kuang Sia manakala Perangsang Selangor diwakili oleh Pengarah Bersekutu, Perhubungan Pelabur dan Komunikasi Strategik, Mohd Fauzi Mohd Ghazali telah menyampaikan sumbangan RM1,500 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Ketam bagi tujuan pembelian alat siaraya.



Datuk Abdul Rashid menjelaskan, "Program CSR tersebut diharap dapat memangkin buat semua pihak untuk bersama-sama memelihara kebersihan melalui kepentingan mengamalkan kitar semula dan pengasingan sisa pepejal ianya dapat memberi kesedaran penjagaan kebersihan dalam kalangan pelajar sekolah dan masyarakat. Malaysia berhadapan masalah kekurangan pusat pengurusan sisa pepejal dimana sejumlah 3,500 tan sampah dihasilkan setiap hari. Amalan 3R iaitu pengurangan, guna semula dan kitar semula perlu dijadikan gaya hidup baharu memandangkan Pulau Ketam merupakan lokasi tumpuan pelancong setiap tahun."

Program berakhir dengan sesi taklimat kepada pelajar dan para sukarelawan meneruskan aktiviti gotong-royong dengan mengutip sisa pepejal di sekitar Pulau Ketam serta melawat pusat kitar semula.



Perangsang Selangor Sports and Recreation Club 37th Annual General Meeting

Mesyuarat Agung Tahunan ke-37 Kelab Sukan dan Rekreasi Perangsang Selangor

30 Sept 2019: The Perangsang Selangor Sports and Recreation Club (KELAB) held its 37th Annual General Meeting (AGM) at Acasia Room 2 and 3, 17 Floor, Plaza Perangsang. 45 members attended the meeting which started with a speech from the KELAB President, Khalid Abdullah, followed by presentation of financial statements, sports and social activities by the committee members. The meeting continued with the voting process to elect new committee members for the 2019/2020 session. The meeting ended with a speech by the newly appointed President, Khalid Abdullah who retained his position for the second term in the running. Congratulations to the new committee members.



30 Sept 2019: Kelab Sukan dan Rekreasi Perangsang Selangor (KELAB) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-37 (AGM) di Bilik Mesyuarat Acasia 2 dan 3, Tingkat 17, Plaza Perangsang. Seramai 45 orang ahli telah menghadiri mesyuarat yang bermula dengan ucapan daripada Presiden KELAB, Khalid Abdullah, diikuti pembentangan penyata kewangan dan pembentangan laporan aktiviti sukan dan sosial oleh barisan ahli jawatankuasa. Mesyuarat diteruskan dengan proses pengundian untuk memilih ahli jawatankuasa baharu untuk sesi 2019/2020. Majlis telah berakhir dengan ucapan pengenalan daripada Presiden yang baharu iaitu Khalid Abdullah yang terpilih sebagai Presiden buat tahun kedua berturut-turut. Tahniah diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa baru.



**KELAB SUKAN & REKREASI PERANGSANG SELANGOR
JAWATANKUASA SESI 2019/2020**

